

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

YMT 301 - Kaedah Penyelidikan Komunikasi

Masa: [3 jam]

Jawab soalan dalam Bahagian A dan DUA (2) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Sediakan satu kritikan terhadap karya yang dikepulkan (Lampiran A). Kritikan anda perlulah merangkumi perbincangan mengenai teori yang diutarakan, kaedah yang digunakan, andaian dan dakwaan penulis, persampelan dan juga contoh dan bukti yang disediakan.

(50 markah)

Bahagian B

2. Pengamat-peserta sebenarnya bukanlah satu kaedah, tetapi adalah pergabungan beberapa kaedah. Bincangkan kenyataan ini dengan menyediakan contoh daripada kajian-kajian yang telah dikendalikan.

(25 markah)

3. Bukan semua yang bermakna boleh dikira, bukan semua yang boleh dikira bermakna. Bincangkan pendapat ini berkaitan dengan pendekatan yang berlainan terhadap analisis kandungan.

(25 markah)

4. Kajian kesan dan pendekatan kegunaan dan kepuasan ("uses and gratifications") menghasilkan keputusan yang berbeza. Namun demikian, terdapat dakwaan bahawa mereka adalah serupa. Bincangkan dakwaan ini dengan mengutarkan contoh teori dan kajian yang menggambarkan perbezaan dan/atau persamaan kajian-kajian tersebut.

(25 markah)

...2/-

5. Pengkaji kritis komunikasi massa pernah didakwa menjalani penyelidikan berasaskan pendirian politik dan latar belakang ideologi mereka. Bincangkan dakwaan ini di dalam konteks kemungkinan wujudnya penyelidikan yang bebas dari nilai-nilai politik dan ideologi.

(25 markah)

6. Tiga model interaksi sosial digunakan untuk menerangkan keadaan temusoal. Bincangkan kekuatan dan kelemahan ketigatiga model tersebut.

(25 markah)

-ooo0ooo-

Dipetik daripada Hamzah Hamdani (*penyusun*) (1982),
Media Massa Dan Peranannya Di Malaysia, Dewan Bahasa
Dan Pustaka, Kuala Lumpur. m.s. 41-58.

MEDIA CETAK DAN CABARAN MASA KINI

M. Noor Azam

Pengantar

KERTAS kerja ini ditulis sedemikian rupa dengan harapan dapat mencetuskan perbincangan yang berguna untuk kita semua. Maka persoalan-persoalan yang dikemukakan adalah yang sama-sama kita ketahui dan yang menjadi masalah atau cabaran dalam tugas kita sehari-hari. Yang menjadi dasarnya adalah pengalaman peribadi dan hasil pergaulan dengan para wartawan yang terlibat secara langsung dalam penerbitan media cetak. Pembicarannya sengaja dijumpukan kepada akhbar dan majalah, kerana di sinilah yang lebih banyak dan lebih menonjol cabarannya. Pengaruh, kesan dan jumlah pembacanya juga lebih besar daripada media cetak yang lain.

Contoh Dari Suatu Peristiwa

Peristiwa 99 keluarga setamai 300 orang menduduki secara haram rumah murah Kerajaan Selangor, pada 12 September 1979 lalu, adalah suatu kejadian yang luar biasa. Dari segi apa pun peristiwa ini cukup penting. Protes masa yang seperti ini dalam hal perumahan rakyat belum pernah terjadi di negara kita. Peristiwa ini juga, menjadi lebih penting kerana ia terjadi dalam masa kerajaan dan rakyat sedang heboh dengan soal rumah — salah satu keperluan asas manusia yang utama.

— Dua buah akhbar berbahasa Inggeris menyatakan berita tersebut-

but di muka depan sebagai berita utama: yang satu memberikan tajuk besar memakan tujuh kolumn dengan berita sembilan belas para; cukup dengan gambar yang penuh bermakna; yang satu lagi sesuai dengan bidangnya yang kecil, tajuknya memakan lima kolumn dengan berita tujuh belas para.

Sebaliknya dua buah akhbar berbahasa Malaysia masing-masing memberikan ruangan yang kecil pada halaman tiga dan sembilan dengan tajuk tiga kolom dan dua kolumn, dan berita sebanyak sembilan dan sepuluh para. Tiada gambar sama sekali. Satu daripada akbar ini memakai berita BERNAMA dan jelas memperlihatkan tiada berita daripada pemberianya sendiri.

Sebuah lagi akhbar berbahasa Malaysia memberikan ruangan di muka depan, tetapi dengan tajuk dan beritanya satu kolumn, sebanyak tiga belas para. Sedangkan pada halaman lain akbar ini, pada hari yang sama, memberikan lima kolumn untuk tajuk "Sahara Sudah Sediakan Baju Baru untuk Nyanyi di Singapura" siap dengan foto Sahara yang memakan ruangan tiga kolumn (16×11 cm).

Berhadapan Dengan Kerajaan

Perbezaan siaran berita tersebut memperlihatkan betapa berbezanya hasil pertimbangan, usaha dan keberanian akhbar-akhbar dalam hal memberikan perkhidmatan awam (public service). Namun semua akhbar ini, berbahasa Malaysia mahupun Inggeris, amat simpati kepada rakyat yang tidak mempunyai rumah dan dalam rencana pengarang masing-masing sering memperjuangkan soal perumahan untuk rakyat, terutama rumah murah untuk golongan berpendapatan rendah. Maka hanya satu sahaja kemungkinan mengapa akhbar-akhbar Melayu memperkecilkkan berita ini, iaitu takutkan reaksi kerajaan. Kebetulan pula semua yang 'menceroboh' rumah kerajaan itu orang Melayu, maka memperbesarkan berita itu menurut sepatutnya mungkin menimbulkan reaksi yang tidak diingini dari orang Melayu. Barangkali inilah pula faktor yang menjadikan akhbar Inggeris lebih berani. Jika dibandingkan berita dalam *New Straits Times* dan *Berita Harian* yang diterbitkan oleh syarikat yang sama, hal ini dapat dilihat dengan lebih nyata.

Ini hanya satu dari sekian banyak contoh berita penting dijadikan tidak penting, ada kala di "black out" sama sekali, oleh

akhbar-akhbar. Sebabnya adalah kerana bimbangkan reaksi yang tidak menyenangkan atau yang membahayakan dari pihak kerajaan terutamanya, atau dari golongan atau ras tertentu.

Banyak Sangat Hiburan

Di samping itu ruangan yang diberikan untuk berita dan rencana hiburan (filem, muzik, nyanyian, sukan dan komik) cukup banyak. Sebuah akhbar dua belas halaman um pamanya, memberikan empat atau lima halaman untuk hiburan. Dan ini tidak termasuk iklan. Belum lagi diperhitung ruangan satu halaman penuh — kadang-kadang lebih — yang diberikan untuk rencana-rencana skandal seks orang-orang putih terutama bintang-bintang filem. Kisah-kisah ini bukan saja tidak berguna, tetapi juga satutu 'hiburan' yang merbahaya bagi masyarakat kita.

Satu kemungkinan mengapa berita dan rencana hiburan dan skandal seks mendapat ruangan begitu banyak, dengan tajuk-tajuk besar dan foto-foto yang memakan cukup banyak ruangan, ialah kerana ini jenis yang "selamat". Kerajaan dan para menteri tidak marah, orang ramai suka membaca, pasaran bertambah dan para pengiklan pun sangat senang hati. Inilah juga faktor yang membuat majalah hiburan bertambah agak pesat dengan warna-warni yang cantik. Ada majalah dan akhbar yang menjadikan perkhidmatan awam sebagai peranan utama, umurnya tidak panjang atau KDN. Ia sering menjadi masalah utama.

Seorang Ketua Pengarang akhbar mengatakan: seringkali bertata atau rencana yang pada kita adalah konstruktif, bagi orang-orang tertentu dalam kerajaan dianggap destruktif. Penilaian mereka berbeza dari kita. Inilah yang sukar. Hal ini nampaknya sentiasa menghantui para editor atau ketua pengarang akhbar dan majalah. Dan ia menjadi lebih sulit apabila sebahagian besar saham syarikat akhbar itu dimiliki oleh parti atau tokoh-tokoh parti pemerintah.

Sesungguhnya persoalan *apa yang disukai dan apa yang tidak disukai, cara mana yang disenangi dan cara mana yang tidak disenangi oleh pihak kerajaan niada batas atau garis yang jelas seperti hal-hal yang sudah diaktakan. Adakalanya KDN tidak diperpanjang tanpa diberikan apa-apa alasan untuk penerbit/editor membuat pertimbangan. Dan hal ini menjadi salah satu halangan besar bagi media cetak*

kita memainkan peranannya yang bererti, sesuai dengan hak, kebebasan dan tanggungjawab dalam negara demokrasi. Dan apa yang diisitihal sebagai "kerajaan" atau "pihak kerajaan", itu sening pula menjadi masalah, kerana adanya perbezaan sikap dan pendirian di kalangan para menteri dan tokoh-tokoh kerajaan. Sering juga pendapat dan sikap seorang tokoh atau menteri, yang belum tentu dipersejui oleh menteri-menteri yang lain, dianggap atau dikatakan pendapat dan sikap kerajaan.

Jelaslah, salah satu cabaran yang dihadapi oleh media cetak, ialah bagaimana mempengaruhi keberanian, kebijaksanaan, kecekapan dan ketelitian untuk menghadapi kerajaan terutama dalam memberikan perkhidmatan awam atau memperjuangkan kepentingan awam yang melibatkan kerajaan secara langsung, seperti soal perumahan di Kelang itu umpamanya.

Medan dan Batas Kebebasan

Dalam hubungan ini soal yang selalu timbul ialah sejauh manaakah kita mempunyai kebebasan bersuara. Bermacam orang menjawab persoalan ini dengan bermacam cara. Namun perlombagaan kita memang memberikan hak dan kebebasan bersuara. Akan tetapi di mana-mana pun tiada kebebasan yang mutlak. Kebebasan apa pun ada batasnya. Yang berbeza hanya batas-batas itu sahaja — banyak atau sedikit, besar atau kecil — dan jenis hukuman yang dikenakan apabila batas-batas itu dilanggar.

Bagaimanapun medan kebebasan yang ada kepada kita sekiranya cukup luas untuk kita bergerak. Akan tetapi ada di antara kita, penulis dan wartawan, ketua pengarang dan penerbit, yang membuat batas-batas atau sekatan tambahan atau memperbesar-besarkan batas yang kecil, sehingga kita mempersempit medan kebebasan yang ada itu. Ada pula batas-batas tambahan yang dibuat oleh editor atau wartawan secara individu, kerana hubungan-perbadinya dengan institusi, kementerian atau tokoh-tokoh tertentu. Batas itu dibuat sama ada oleh kerana fikirannya sejalan dengan institusi atau tokoh berkenaan, atau oleh kerana kepentingan diri.

Terjadinya interpretasi yang berbeza antara kita yang terlibat dalam media cetak dengan tokoh-tokoh kerajaan tidaklah dapat dielak, kerana adanya matlamat, peranan dan pemikiran serta cara

yang berbeza antara media cetak dengan kerajaan, antara kewartawan dan tanggungjawab dalam politik. Konsep, pengertian dan cara memberikan perkhidmatan awam antara kerajaan dan media cetak juga amat jauh bezanya.

Memperbaiki Kekurangan Diri

Tugas memberikan perkhidmatan awam dan menegakkan kebenaran amatlah sulit dan selalu ada risikonya. Selain menuntut kesanggupan ilmu pengetahuan, kesanggupan memanalisa dan memasakkan bahan, kesanggupan memegang konsep bahawa *always two sides of every issue* dan kesanggupan berlaku jujur kepada diri sendiri, ia juga menuntut kesediaan berpegang kepada kepakaran yang sebenarnya tanpa mempedulikan hati siapa yang akan luka, prestij siapa yang akan rosak, status siapa yang akan naik dan pembaca mana yang akan mengirimkan surat cemuh. Ini belum lagi dihitung kecekapan teknik penulisan, terutama penguasaan dan kecekapan memperbaikkan bahasa.

Oleh kerana itulah juga usaha mendapatkan berita atau rencana yang baik, terutama dalam hubungan memberikan perkhidmatan awam, amatlah sulit. Barangkali inilah salah satu sebab, selain dari gugatan kerajaan, mengapa akhbar-akhbar kita suka sangat memperbanyak ruangan untuk hiburan dan untuk keterangan-keterangan dari luar negeri, mengenai orang atau peristiwa luar negeri.

Kekurangan dan Kesanggupan Wartawan

Maka cabaran berikutnya ialah cabaran untuk mengakui kekurangan dan kesediaan untuk mempertinggi kesanggupan serta kecekapan kita sendiri. Kita harus berani mengakui, dalam aspek penggunaan bahasa pun ramai di antara kita yang masih lemah, apa lagi aspek-aspek lain, seperti pengetahuan asas dalam ilmu-ilmu kemasyarakatan dan pengetahuan khusus mengenai hal yang kita tulis.

Maka menjadi kewajipan para editor, ketua pengarang dan penerbit untuk sama-sama berusaha memberikan pendidikan dan latihan sebaik mungkin kepada para wartawan kita, di samping mengenaikan disiplin kerja dan kod etika kewartawanan yang ketat.

Kelemahan dan kekurangan yang dihadapi oleh para wartawan, menyebabkan media cetak kita selalu sahaja tercabar dalam tugasnya memberikan keterangan, pengiklanan dan hiburan yang sem-

bang lagi bermutu, juga mendapatkan pengaruh bagi membentuk *public opinion* yang baik lagi bekesan. Semakin ramai jumlah pembaca merasakan media cetak kita belum matang memenuhi tugas yang sepatutnya. Media cetak kita dalam bahasa Malaysia ternamanya masih belum berhasil menyiarakan berita dan rencana yang tepat-benar, adil, bijaksana, lengkap dan mendalam, menurut mutu dan kadar yang sepatutnya. Maka credibility akhbar atau majalah, dan kebenaran sesuatu berita atau rencana yang penting kontroversial, sering dipersoalkan. Akibatnya orang mungkin lebih percaya pada khabar angin, dan membentuk sikap serta pendapat berdasarkan berita dari mulut ke mulut.

Pendidikan, Rangsangan dan Pengawasan

Saya kira tiada siapa yang menganggap bahwa tugas wartawan untuk mengumpul, memilih, memasak, menginterpretasi dan menyebarkan berita dengan sebaik mungkin tidak akan tercapai tanpa keberanian kebijaksanaan, kecekapan dan ketelitian yang akan tercapai melalui kesanggupan-kesanggupan di atas. Dan ini dapat dicapai, selain melalui pengalaman yang memerlukan masa amat lama, adalah menerusi pendidikan dan latihan khusus dalam masa yang jauh lebih pendek. Jika kesemua media cetak yang ada bersedia, dengan kerjasama tokoh-tokoh profesional serta institusi pendidikan tertentu, latihan dan pendidikan khusus ini pasti dapat diadakan.

Di samping itu setiap akhbar dan majalah mustahaklah memberikan galakan, rangsangan serta penghargaan secara bekesan kepada para wartawan yang memperlihatkan mutu pemberitaan atau penulisan yang tinggi.

Cadangan hendak mengadakan "Hadiah Karya Warta" yang sekarang tidak lagi terdengar-beritanya, adalah suatu langkah yang bijaksana. Dan ia akan menjadi lebih baik jika dikendalikan oleh para penerbit sendiri, tidak oleh kerajaan. Petubuhan sebuah "Lembaga Akhbar" dan organisasi wartawan tingkat nasional yang utuh dan profesional adalah antara lain-lain langkah penting yang dapat memperkuuh kedudukan media cetak dan para wartawan dalam menghadapi sebarang cabaran.

Konflik Antara Kepentingan Dagang dan Perkhidmatan Awam

Salah satu tugas para wartawan dan pengendali akhbar dan majalah ialah memastikan *survival* akhbar atau majalahnya. Yang menentukan survival ini, selain tindakan kerajaan dan undang-undang, yang maha penting ialah kedudukan kewangan yang kukuh. Dan sumber kewangan yang paling besar ialah iklan — mungkin sampai 60 peratus, dan di Amerika ada yang sampai 80 peratus. Pendapatan iklan ini bergantung pula kepada jumlah pasarnya.

Cabarannya yang dihadapi dalam masalah ini ialah adanya konflik yang tajam antara usaha mendapatkan kewangan dengan pegangan atau komitmen. Selain menyiaran begitu banyak berita, rencana dan foto-foto yang boleh menambah pemasaran, akhbar atau majalah sering juga terpaksa mengambil jalan yang bertentangan dengan pegangannya demi untuk menjaga kedudukan para pengiklan. Oleh kerana itulah sering terdapat berita, rencana dan foto-foto yang bertentangan sama sekali dengan apa yang pernah disuarakan dalam rencana pengarang. Soal-soal seperti pencemaran alam, bahaya rokok, bahaya daddah dalam ubat-ubatan, kenaikan harga barang, pencemaran kebudayaan, adalah antara contoh-contoh yang nyata betapa media cetak tidak dapat gembongkar secara sungguh-sungguh dan habis-habisan, kerana akibatnya akan menjauhkan para pengiklan dagang. Inilah juga sebabnya akhbar dan majalah tempatan selalu menyesuaikan diri dengan kehendak kerajaan, kerana para pedagang tidak bersedia mengiklankan dagangan mereka dalam media yang tidak sejalan dengan kerajaan. Perusahaan-perusahaan besar, demi untuk kemudahan dan keuntungan besar, sering menjadi penyokong kuat parti pemerintah. Oleh itu apabila media cetak semakin menjadi usaha dagang yang besar, semakin sukarlah ia memainkan peranan perkhidmatan awam yang bersesuaian. Para ditor yang memimpin sidang pengarang sering dapat dikalahkan oleh para pengurus yang mengetuai bahagian perniagaan. Apa lagi jika jabatan sidang pengarangnya lemah.

Urban Bias

Akibat dan kuatnya pengaruh kewangan ini, ternyata pula dari kadar berita dan rencana mengenai kehidupan desa. Penderitaan dan

pemikiran orang desa amat kurang mendapat ruangan dibandingkan dengan kisah-kisah duka dan suka orang kota. Selain rancangan pembangunan dan bantuan kerajaan, yang selalu menonjol tentang desa ialah kisah rogol dan jenayah. Kisah seorang caca di Kelantan yang menderita berpuluhan tahun lamanya, sehingga lalih seorang penulis sambilan menuis kisahnya — bukan seorang wartawan akhbar — adalah contoh betara kurangnya perhatian media cetak kita yang terlalu *urban bias* terhadap kehidupan desa.

Bagi negara kita yang jumlah pembacanya kecil, akhbar dan majalah yang betul-betul kuat tidak banyak, perusahaan besar juga tidak banyak, ditambah dengan kedudukan parti pemerintah yang kuat dan stabil, kerja para editor dalam menghadapi konflik dan cabaran ini amatlah susah, malah hampir tidak terdaya, nampaknya. Para wartawan yang bertugas dalam akhbar atau majalah yang diterbitkan oleh usaha dagang, barangkali dapat memecahkan masalah ini!

Kepeluan Akhbar dan Majalah Nasional Untuk Pelbagai Ras

Persoalan terakhir yang ingin saya kemukakan ialah cabaran untuk mewujudkan sekurang-kurangnya sebuah akhbar dan sebuah majalah dalam bahasa kebangsaan yang kandungannya *merentasi semua bangsa ras dan agama*. Dalam hal ini nampaknya media cetak tidak mendukung aspirasi Malaysia, semangat Rukunegara dan salah satu Dasar Ekonomi Baru iaitu penyusunan semua masyarakat Malaysia.

Kecuali akhbar Inggeris yang secara keberulaan dan oleh tuntutan jalan sejarah, dapat menembusi batas-batas tersebut; akhbar dan majalah Melayu, Cina dan Tamil masih tetap mempunyai ciri-ciri rasialisme yang amat kuat dan kental. Majoriti dari pembaca, memilih akhbar atau majalah dalam bahasa mereka sendiri yang isinya, orientasinya dan pemikirannya mengarah kepada polarisasi ras.

Jika kita bersetuju perlunya diwujudkan satu bangsa Malaysia perpaduan nasional, kebudayaan dan identiti nasional, inilah satu daripada cabaran yang paling unggul terhadap media cetak dan kaum wartawan kita. Dan oleh kerana ini adalah bidang usaha baru

yang menuntut semangat penerokaan yang cukup gigih, kerajaan perlulah bersikap lebih simpati serta lebih liberal daripada yang ditunjukkan selama ini terhadap akhbar Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris.

LAMPIRAN

BERIKUT ialah hasil kajian kasar mengenai isi tiga buah akhbar keluaran 18 September 1979. Ketiga akhbar ini dipilih kerana ketiganya merupakan akhbar terpenting di negara ini (tidak termasuk akhbar berbahasa Cina). Bagaimanapun pilihan pada keluaran 18 September hanyalah suatu kebetulan, tanpa sebarang alasan tertentu.

UTUSAH MALAYSIA

I. Berita/Rencana Penting

- Hlm. 1 : 1) Taraki Kena Singkir (berita utama — Islam dalam negeri)
2) Gadis kahwin bulan depan mati dalam perigi (Lumut).
- Hlm. 2 : 1) Kes Northrop: Ahmad Shah jalani hukuman penjara 3 tahun (KL).
2) 5 anak bekas MB Kelantan didenda (K. Bharu).
- Hlm. 3 : 1) Sayuran dan daging membawa penyakit (P. Pinang).
2) 2.3 peratus pesakit-pesakit hospital mati akibat dadah (P. Pinang).
- Hlm. 4 : 1) Dua Segandingan (RP).
Rencana 2) Politik Afghanistan (RP).

- 3) Janganlah terlalu mengganggu seseorang (ren-cana).
 4) Takut terkeluar perkataan ‘anak emas’ yang berhormat (rencana).
- Hlm. 5 :**
 Dalam
 negeri
- Hlm. 6,7 :**
- Hlm. 8 :**
 Luar
 Negeri
- Hlm. 9,12 :**
 Pos
 Kota
- Hlm. 10 :**

- 5) Wanita Utusan
 6) Iklan

16 hlm

— 5 hlm

— 1 hlm

- 1) Daerah Keluang tidak dianaktirikan (Ke-luang).
 (Hiburan — nyanyian, filem dan lain-lain).
 Presiden Taraki letak jawatan (Islamabad).
- Hlm. 11 :**
 (Forum Utusan)
- Hlm. 12 :**
 Iklan semula penuh
- Hlm. 13 :**
 (Sukan Utusan)
- Hlm. 14,15 :**
 Dalam
 negeri
- Hlm. 16 :**
 Dalam
 negeri
- 1) Kurang disel: Syarikat-syarikat minyak di-minta jelaskan (KL).
 2) Wisma PKNS dijadikan lambang Koop Ber-satu mungkin gagal (KL).
 3) Michael Chen kembali bertugas sebagai pegu-am (KL).
 4) Wanita Utusan
- 1) Wanita sentiasa memikul 1,001 macam mas-alah keluarga (rencana).
 2) Retak-retak hari (coretan).
- Hlm. 17 :**
 Iklan yang besar dan menonjol:
- 1) 2 keluarga Jerman Timur naik belon lari ke Barat
 2) Para menteri menghantar PM ke Rusia
 3) Kumpulan Carefree
 4) Kumpulan D'atomic Power
 5) Anugerah bintang oleh Sultan Perak
 6) Ahli-ahli sukan negara ke Jakarta
 7) MB Kelantan merasmikan kejohanan Bolasepak MS-AM
 8) Menteri Penerangan melihat alat-alat elektronik se-masa melawat stesen setelit di UTK

III. Gambar (Foto)

- Jumlah gambar — 21
 Gambar hiburan — 6 (termasuk sukan)
 .Lain-lain gambar — 15

Gambar yang besar dan menonjol:

- 1) Jean dijadualkan ke Sri Langka (berita uta-na — KL).

- 2) Kapten Ahmad Shah jalan hukuman (KL).
 3) Siaran langsung Sukan SEA Jakarta di TV (KL).

- 4) Sumpitan Emas: Penduduk-penduduk Kelan-ta bersabar (KL).

I. Berita/Rencana Penting

- Hlm. 1 :**
 Dalam
 negeri
- 1) Jean dijadualkan ke Sri Langka (berita uta-na — KL).

- 2) Kapten Ahmad Shah jalan hukuman (KL).
 3) Siaran langsung Sukan SEA Jakarta di TV (KL).

- 4) Sumpitan Emas: Penduduk-penduduk Kelan-ta bersabar (KL).

- Hlm. 2 :**
 Dalam
 negeri
- 1) Parti-parti dalam BN Sarawak setuju formula persefahaman (Kuching).
 2) Sanak lelaki bekas MB Kelantan didenda dan ikat jamin (K. Bharu).

- 3) MB umum langkah-langkah hadapi inflasi

II. Pembahagian Isi

- 1) Berita/rencana dim negeri — 6 hlm
 2) Hiburan (nyanyian, filem dan lain-lain) — 1½ hlm
 3) Sukan Utusan — 1½ hml
 4) Berita/rencana luar negeri — 1 hml

(Keluang).

- Hlm. 3 : 1) Presiden Afghanistan letak jawatan (Islamabad).
Luar negeri 2) Kuasa kami dirampas (Teheran).
3) Taraki seorang idealis dari keluarga gembala (Islamabad).

- Hlm. 4 : 1) Cubit peha kanan sakit peha kiri (RP).
Rencana 2) Tugas tentera di masa depan (RP).
3) Bimbingan peperiksaan SRP.
4) Renungan.

- 5) Geria Somalia yakin mereka akan menang jua (rencana terjemahan).
Hlm. 5 : 1) Sagu : Bahan baru ganti minyak? (KL).
Dalam negeri 2) Selangor akan adakan sidang khas kaji semula pembangunan (Kelang).
—

Hlm. 6,7

Hlm. 8 : (Dunia Raya Wanita) Mengurus badan dengan acupuncture (rencana).

Hlm. 9,10 : (Hiburan — filem, nyanyian dan lain-lain) hlm. 6. Dua rencana terjemahan mengenai Hollywood dan pertarungan lembu di Madrid.

- Hlm. 11 : 1) Kes bankrap kini makin bertambah (KL).
2) Kes 4 pegawai: ASP mengaku pukul tahanan (KL).

- 3) Tindakan atas kakitangan MAS yang tidak sopan (KL).
4) Lagi rundingan kekurangan disel (KL).

- Hlm. 12 : 1) Kertas kerja Persidangan Pengajian Melayu.
Hlm. 13 : 2) 65 siswa UPM jadi anak angkat penduduk Kg. Pant Baharu (rencana) (Iklan semuanya pernah).

- Hlm. 14,15 : (Sekitar Sukan)
Hlm. 16 : 1) Sambungan berita Jean Perera.
2) Komunis pakai nama Melayu (A. Setar).

3) Kes bunuh isteri : Bagaimana Devanaju diberkas (A. Setar).

- 4) Penyakit untuk patut diberi perhatian serius (P. Pinang).

II. Pembahagian Isi

- | | |
|--|----------|
| 1) Berita/rencana dalam negeri | — 5½ hlm |
| 2) Hiburan (filem, nyanyian dan lain-lain) | — 4 hml |
| 3) Sekitar Sukan | — 2 hml |
| 4) Berita/rencana luar negeri | — 1 hml |
| 5) Dunia Raya Wanita | — 1 hml |
| 6) Iklan | — 2½ hml |

Jumlah,

16 hml

III. Gambar (Foto)

Jumlah gambar — 49

Gambar hiburan — 29 (termasuk sukan)
Lain-lain gambar — 20

Gambar yang besar dan paling menonjol:

- | | |
|--|---|
| 1) Yang di-Pertuan Agong diiringi ke majlis santapan Hari Angkatan Tentera di Hotel Hilton | 2) Pandangan sebatang jalan sepi di Hollywood |
| 3) Barbra Streisand dan bekas suaminya Elliott Gould | 4) Upacara menandatangi perjanjian kerjasama belia Malaysia-Indonesia |
| 5) Datuk Mohamed Rahmat dan ahli sukan tinju | 6) Pertarungan lembu di Madrid |
| 7) Kemalangan lori di batu 13½ KL-Rawang | |

● *Berita Harian* — 34.4 peratus
News Straits Times — 20.8 peratus

2. **Jenis isi/berita/rencana**
- Berita tentang desa amat kurang dan sumber berita umumnya Kuala Lumpur.
 - *News Straits Times* tiada memberikan ruangan sama sekali kepada berita-berita kebudayaan atau filem dan nyanyian.
 - Kadar berita dalam *News Straits Times* amat sedikit dibandingkan dengan *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* — kadar berita/rencana dalam dan luar negeri hanya 27 peratus. Tetapi jenis *type* dan *lay-out*nya membuat kita terasa berita/rencananya banyak.
3. **Hiburan dan Sukan**
- Berita Harian* — 37.5 peratus
 - Utusan Malaysia* — 18.8 peratus
 - New Straits Times* — 12.5 peratus (sukan sahaja)
4. **Iklan**
- New Straits Times* — 56.3 peratus
 - Utusan Malaysia* — 31.3 peratus
 - Berita Harian* — 15.6 peratus
5. **Gambar**
- Berita Harian* — 49
 - News Straits Times* — 24
 - Utusan Malaysia* — 21

		Dalam negeri	2) Traders told to be wary of bogus army officer (KL).
2)	Retired RMAF officer fails in his appeal (KL).	Hlm. 15,17,18, 19,29 :	"Turf clubs not syces' employers' (Ipoh). Three gangs in border area crippled (A. Setar).
3)	"Turf clubs not syces' employers' (Ipoh).	Hlm. 16 :	US envoy make a cloud over antiques (Nicosia).
4)	Three gangs in border area crippled (A. Setar).	Hlm. 21,22, 23 :	Mid-East peace in 'alive and well' (Washington).
Hlm. 2,3,4 : Luar negeri	1) US envoy make a cloud over antiques (Nicosia). 2) Mid-East peace in 'alive and well' (Washington).	Hlm. 24 :	Bankers meet amid threat of fresh oil price increase (Paris).
3)	Iran to strive for unity of all Islamic nation (Teheran).		4) Iran to strive for unity of all Islamic nation (Teheran).
Hlm. 5 : Dalam negeri	(Tips for the SRP examination).		
Hlm. 6,7,8,9 : Dalam negeri	1) Another round of talks on the diesel situation (KL). 2) (Sambungan kisah Jean Perera).		
3)	Cut red-tape to reduce housing cost, Govt told (KL).		
Hlm. 10 : Rencana	(Time Women).		Sharing the moment of birth (rencana).
Hlm. 11 : Dalam negeri	"Bleak future ties' forecast by ex-Premier Dunstan (P. Pinang).		"Bleak future ties' forecast by ex-Premier Dunstan (P. Pinang).
Hlm. 12 : Rencana	1) Firmly Set (ED). 2) Two Rows (ED).		Power and a new life from the Temenggor waters (Rencana).
3)	3) Power and a new life from the Temenggor waters (Rencana).		4) The Vietnam Odeyssy (Rencana NYT).
4)	5) The making of revolutionary (Rencana AP).		5) Kemalangan lori di batu 13½ KL-Rawang
Hlm. 13 : Hlm. 14 :	(TV Highlights).		BEBERAPA KESIMPULAN
1)	I hit suspect out of anger, cop tells court (KL).		1. Berita/rencana dalam negeri — Unsur Malaysia — 37.5 peratus